


1.0 PENGENALAN .

Projek Pelajar merupakan satu modul wajib di dalam program Diploma Vokasional Malaysia yang perlu dilaksanakan di dalam semester pendek 5 hingga semester pendek 7. Modul Projek Pelajar memberi ruang kepada pelajar untuk mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran terdahulu serta mempamerkan keupayaan mereka dalam merealisasikan idea, kreativiti dan inovasi disamping menyelesaikan masalah di samping merupakan satu landasan yang baik untuk memantapkan kemahiran pelajar sebagai persediaan menceburi alam pekerjaan di industri.

Sepanjang pelaksanaan projek, pelajar dibimbing oleh pensyarah untuk meneroka pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari. Satu laporan projek mengikut format perlu dihantar kepada jabatan dan pencapaian pelajar akan dinilai mengikut kaedah dan format penilaian yang ditetapkan (*Lampiran A*).

2.0 OBJEKTIF

Objektif Projek Pelajar adalah untuk memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari dalam melahirkan pelajar yang kompeten. Ini adalah selari dengan Kurikulum Standard Kolej Vokasional bagi tahap diploma dimana di akhir pengajian pelajar berupaya untuk melaksana perkara di dalam Gambarajah 1



Gambarajah 1
Objektif Projek

3.0 MATLAMAT PROJEK PELAJAR


Matlamat projek pelajar adalah untuk merealisasikan kompetensi dan kemahiran yang pelajar telah pelajari, faham dan boleh mempraktikkan berdasarkan pengalaman terdahulu untuk menghasilkan satu produk yang bernilai pasaran.

Secara umumnya, hasil pembelajaran yang disasarkan melalui pelaksanaan projek adalah supaya pelajar berupaya untuk mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dari pembelajaran dan latihan terdahulu.

4.0 DEFINISI

Projek merupakan satu tugas yang ditetapkan sebagai latihan pembelajaran yang memerlukan pelajar menghasilkan satu produk atau perkhidmatan yang boleh dipasarkan. Projek boleh dilaksanakan secara individu atau berkumpulan.

Projek mengaplikasi pengetahuan, konsep dan kemahiran yang diperolehi sepanjang pembelajaran dan latihan terdahulu. Pelajar perlu menggabungkan beberapa aspek pengalaman mereka sepanjang program berkenaan. Ciri-ciri Projek Pelajar ditunjuk di dalam Gambarajah 2



Gambarajah 2 - Ciri-ciri Projek

5.0 JENIS-JENIS PROJEK

Projek Produk

Tertumpu kepada pembangunan produk fizikal bagi memenuhi keperluan dan kehendak pasaran

Projek Servis

Tertumpu kepada pembangunan servis bagi memenuhi keperluan dan kehendak pasaran.

Contoh Projek Produk dan Servis ditunjukkan di dalam Lampiran B

6.0 PEMILIHAN PROJEK

Pemilihan projek berdasarkan kepada produk fizikal atau perkhidmatan yang berupaya memberikan impak dan mempunyai nilai komersial yang tinggi. Projek yang boleh diaplikasi mengikut keperluan industri dan komuniti amat digalakkan. Projek yang dijalankan perlu mengambil kira kos keseluruhan serta boleh dilaksanakan di dalam tempoh masa yang diperuntukkan.

Perkara-perkara berikut boleh dijadikan panduan untuk membantu pelajar membuat pemilihan projek:

- Pihak jabatan digalakkan menetapkan tema/kategori projek bagi membantu pelajar menentukan projek yang bakal dilaksanakan.
- Tajuk projek adalah ditentukan berdasarkan cetusan idea sama ada daripada pelajar, pensyarah atau industri.

7.0 PEMBIAYAAN PROJEK

Pada dasarnya, kos keseluruhan Projek ditanggung oleh KV . Walau bagaimanapun pelajar boleh mendapatkan sumber kewangan daripada pihak lain bergantung kepada keadaan. Pemilihan sesuatu projek yang dihasilkan bergantung kepada persetujuan pihak yang terlibat didalam pelaksanaan sesuatu projek.

8.0 TAKLIMAT PROJEK

Semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan projek perlu diberi taklimat berkaitan garis panduan pelaksanaan projek pelajar pada setiap awal semester pendek oleh penyeleras projek jabatan . Penerangan ini bagi memastikan semua pihak yang terlibat mendapat maklumat yang selaras dan jelas dengan tugas serta tanggungjawab masing-masing ke arah penghasilan projek pelajar yang memberikan impak dan mempunyai nilai komersial yang tinggi.

9.0 TEMPOH PROJEK

Tempoh Projek Pelajar adalah selama 3 atau 4 minggu bergantung kepada takwim pengajian Kolej Vokasional. Kedudukan Projek Pelajar di dalam kerangka program Diploma Vokasional Malaysia adalah ditunjukkan di dalam Gambarajah 3.

SISTEM SEMESTER KOLEJ VOKASIONAL		
TAHUN	SISTEM 4 TAHUN	
	TAHAP	SEMESTER
	OJT	LATIHAN AMALI DI INDUSTRI (OJT) 12 MINGGU
TAHUN 4	TAHAP 4 (DVM)	Semester 8
		SEMESTER PENDEK (Projek Pelajar 3-4 MINGGU)
		Semester 7
TAHUN 3	TAHAP 3 (DVM)	SEMESTER PENDEK (Projek Pelajar 3-4 MINGGU)
		Semester 6
		SEMESTER PENDEK (Projek Pelajar 3-4 MINGGU)
		Semester 5
TAHUN 2	TAHAP 2 (SVM)	SEMESTER PENDEK EMPLOYABILITY SKILLS TAHAP 2 (3-4 MINGGU)
		Semester 4
		SEMESTER PENDEK EMPLOYABILITY SKILLS TAHAP 2 (3-4 MINGGU)
		Semester 3
TAHUN 1	TAHAP 1 (SVM)	Semester 2
		SEMESTER PENDEK EMPLOYABILITY SKILLS TAHAP 1 (3-4 MINGGU)
		Semester 1

Gambarajah 3.0 : Sistem Semester Kolej Vokasional Malaysia

10.0 JAM KREDIT

Jam Kredit Projek Pelajar adalah 3 Jam Kredit. Jumlah Jam Nosional pula adalah 120 Jam Nosional. Pelaksanaan Projek Pelajar adalah bergantung kepada takwim pengajian Kolej Vokasional dan kesesuaian di setiap Kolej Vokasional.

11.0 PERANAN PELAJAR

Peranan pelajar di dalam projek ditunjukkan dalam Gambarajah 3 di bawah :




Gambarajah 4.0 : Peranan Pelajar di dalam Projek

12.0 PENILAIAN PROJEK

Penilaian dijalankan secara berterusan bagi menilai pencapaian dan kebolehan pelajar dalam menyiapkan sesuatu projek dengan menggunakan borang penilaian Skema Pemarkahan yang ditunjukkan di dalam Lampiran A.

Komponen utama penilaian projek adalah merangkumi aspek Proposal Projek, Hasil Projek dan Laporan Projek seperti ditunjukkan dalam Gambarajah 5



Gambarajah 5.0 : Komponen Penilaian Projek

13.0 PENYEDIAAN PROPOSAL

Proposal projek perlu dikemukakan kepada Jabatan bagi tujuan kelulusan melaksanakan projek. Secara umumnya, kandungan proposal projek adalah seperti berikut:


- a. Tajuk projek
- b. Pengenalan:
 - i. Objektif projek
 - ii. Skop projek
 - iii. Kepentingan projek
 - iv. Anggaran kos projek
- c. Perancangan projek
- d. Kesimpulan

14.0 LAPORAN PROJEK

Pelajar perlu menyediakan laporan mengikut cadangan format berikut :

- a. Bahagian awal
 - i. Halaman judul
 - ii. Penghargaan
 - iii. Isi kandungan
 - iv. Senarai jadual projek
 - v. Senarai rajah
 - vi. Senarai lampiran
- b. Bahagian Utama
 - i. Pengenalan
 - ii. Dapatan dan perbincangan projek
 - iii. Cadangan
 - iv. Kesimpulan
- c. Bahagian Tambahan
 - i. Rujukan
 - ii. Lampiran.

15.0 CARTA ALIR PROSES PELAKSANAAN PROJEK



**SKEMA PEMARKAHAN
PROJEK SEMESTER PENDEK**

TAJUK PROJEK	:
NAMA PELAJAR	:
PENYELIA PROJEK	:

PENILAIAN PROJEK

1) Komitmen Keseluruhan	40 %
a) Jadual Perkembangan Projek	(/ 20)
b) Pengetahuan	(/ 20)
c) Kreativiti	(/ 20)
d) Komitmen Pelajar	(/ 20)
e) Berdaya Maju	(/ 20)
Jumlah	(/ 100)
2) Laporan	20 %
a) Kandungan	(/ 40)
b) Format	(/ 20)
c) Rujukan	(/ 20)
d) Keseluruhan	(/ 20)
Jumlah	(/ 100)
3) Hasil Projek	30 %
a) Kefungsian Projek	(/ 30)
b) Keselamatan	(/ 10)
c) Kebersihan	(/ 5)
d) Kekemasan	(/ 5)
Jumlah	(/ 50)
4) Proposal Projek	10 %

a) Pengenalan	(/ 5)
b) Perancangan Projek	(/ 20)
c) Kesimpulan	(/ 5)
Jumlah	(/ 30)

KOMITMEN KESELURUHAN	/ 40
LAPORAN	/ 20
HASIL PROJEK	/ 30
PROPOSAL PROJEK	/ 10

JUMLAH MARKAH	(/ 100)
---------------	----------

KEPUTUSAN	KOMPETEN / TIDAK KOMPETEN
-----------	---------------------------

Pernyataan: Kompeten 50% – 100%
 Tidak Kompeten 0% – 49%

Contoh Projek Produk & Servis



